4.	**Pertandingan Bola Jaring Antara Taman** Ini adalah satu acara baru yang akan dilaksanakan pada 2009 dan akan menjadi acara tahunan selepas itu.	**Tarikh** 18 Oktober 2015 **Tempat** Gelanggang Serbaguna, Kompleks Sukan Negeri, Paroi
5.	**Pertandingan Futsal Piala YDP** Pertandingan ini dibuka kepada mereka yang bermastautin di Negeri Sembilan. Pengelolaannya dibuat dengan pihak Persatuan Bolasepak Negeri Sembilan.kerjasama	**Tarikh** 17 Mei 2015 **Tempat** Gelanggang Serbaguna, Kompleks Sukan Negeri, Paroi
6.	**Pertandingan Sepak Takraw Antara Taman** Ini adalah satu acara baru yang telah dilaksanakan pada 2009 dan akan menjadi acara tahunan selepas itu.	**Tarikh** 18 Oktober 2015 **Tempat** Gelanggang Utama, Kompleks Sukan Negeri, Paroi

2 JADUAL PROGRAM

Bil.	AKTIVITI	TARIKH & TEMPAT
7.	**Program "Soccer Kids"** **P**rogram ini bertujuan untuk mencungkil dan melahirkan bakat baru dan pelapis masa depan serta memupuk minat kanak-kanak diperingkat awal. Program ini berjalan mengikut peringkat umur dari 7 tahun hingga 16 tahun. Sekarang ini lebih kurang 200 kanak-kanak yang terlibat.	**Tarikh** Setiap hari Ahad (jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi) 300 orang kanak-kanak yang mengambil baha-gian **Tempat** Padang NS
8.	**Kejohanan Sukan PBT NS 2015** Sebanyak 11 jenis sukan telah dpertandingkan dalam kejohanan ini dimana MPS telah men-gambil bahagian dalam semua jenis sukan.	**Tarikh** 12 - 13 September 2015 **Tempat** Padang Jelebu
9.	**Malam Kesenian dan Kebudayaan PBT Negeri Sembilan 2015** Tahun ini MPS menjadi tuan rumah dan telah mengambil bahagian kesemua acara yang dipertandingkan.	**Tarikh** 27 Oktober 2015 **Tempat** Dewan MPS
10.	**Kejohanan Chess 2015** Pertandingan ini pertama dijalankan dan akan dijalankan secara tahunan.	**Tarikh** 5 hingga 6 September 2015 **Tempat** Gelanggang Utama, Kompleks Sukan Negeri, Paroi
11.	**Senamrobik** Acara ini telah bermula pada Bulan Ogos 2014 di Citi Park, diikuti di Stadium (perkarangan Tempat letak kereta)	**Tarikh** Setiap hari Ahad **Tempat** Tempat letak kereta Stadium, Paroi dan City Park Seremban 2
12.	**Gusti Lengan** Pertandingan ini pertama dijalankan dan akan dijalankan secara tahunan.	**Tarikh** 13 Jun 2015 **Tempat** Dewan MPS

3 JADUAL PROGRAM

Bil.	AKTIVITI	TARIKH & TEMPAT
13	**Pertandingan karaoke Berkumpulan Antara jabatan MPS** Pertandingan ini disertai oleh semua Jabatan ia bertujuan untuk mengeratkan lagi perhubungan pegawai dan kakitangan disetiap jabatan di MPS.	**Tarikh** 13 Jun 2015 **Tempat** Dewan MPS
14	**Karnival Seremban 2015** Karnival Seremban ini adalah Kerjasama antara Kerajaan Negeri, agensi kerajaan, NGO dan sektor swasta untuk memperkenalkan Negeri Sembilan amnya dan Seremban khasnya dalam mengenengahkan aktiviti pelancongan untuk menarik pelancong domestik dan antarabangsa.	**Tarikh** Bermula dari 7 November hingga 28 November 2015 **Tempat** Taman tasik Seremban
15	**Program Hari Tanpa Kenderaan MPS** Diadakan untuk penduduk kawasan Seremban untuk berbasikal (Fun-Ride) , "Jogging","Roller Blade" , "Skate Board" bersama keluarga dan kenalan.	**Tarikh** Diadakan Setiap hari Ahad Kedua Setiap Bulan **Tempat** City Park, Seremban
16	**Program Larian Keluarga MPS 2015** Pertandingan ini adalah salah satu acara Majlis dan telah mendapat sambutan yang amat mengalakkan daripada orang ramai kawasan MPS.	**Tarikh** 30 November 2015 **Tempat** Padang NS

1 FESTIVAL TAMAN TASIK SEREMBAN 2015





2 LARIAN KELUARGA 2015





3 MALAM PBTNS 2015





4 BOLA JARING PIALA YDP 2015





5

FUTSAL PIALA YDP 2015





6

HOKI KIDS 2015





7

CATUR PIALA YDP 2015





8

GUSTI LENGAN 2015





9 SEPAK TAKRAW PIALA YDP 2015





10 PROGRAM CSR 2015





11 SUKAN PBT 2015





Jabatan Kewangan

OBJEKTIF

Untuk meningkatkan hasil dan mengurangkan tunggakan serta mengagihkan sumber kewangan secara adil dan berhemah bagi program dan aktiviti mengikut peraturan dan dasar-dasar sedia ada.

FUNGSI

- Cukai Taksiran
- Menguruskan Pembayaran
- Penyata Kewangan Tahunan
- Belanjawan
- Perolehan
- Pelaburan

AKTIVITI - AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2015

1. Cukai Taksiran
   Menyelenggara kutipan Cukai Taksiran
   Menjalankan Operasi Kaunter Bergerak.



Berikut adalah laporan bagi prestasi pelaksanaan operasi:

LAPORAN PRESTASI KAUNTER BERGERAK DI KAWASAN PERUMAHAN PADA TAHUN 2015

BIL.	TARIKH OPERASI	SEKSYEN	LOKASI HARTA	JUMLAH KUTIPAN (RM)	JUMLAH PREMIS DILAWATI
1	17.01.2015	4102	TMN PANCHOR JAYA	4,022.40	277
2	24.01.2015	4102	TMN PANCHOR JAYA	4,002.70	213
3	24.01.2015	4102	TMN PANCHOR JAYA	2,573.75	242
4	21.03.2015	6601	TMN BKT KEPAYANG	637.00	72
5	28.03.2015	6601	TMN BKT KEPAYANG	1,369.00	68
6	28.03.2015	6601	TMN BKT KEPAYANG	624.00	52
7	04.04.2015	6612	TMN SRI PULAI	747.40	95
8	04.04.2015	6612	TMN SRI PULAI	1,177.40	48
9	25.04.2015	6116	TMN PULAI IMPIAN	1,339.80	56
10	25.04.2015	6116	TMN PULAI IMPIAN	2,373.50	103
11	08.05.2015	6113	TMN BKT CORAL, SIKAMAT	950.00	51
12	08.05.2015	6113	TMN BKT CORAL, SIKAMAT	350.00	43
13	16.05.2015	8006	VISION HOMES / AVIVA GREEN, SEREMBAN 2	1,910.80	61
14	16.05.2015	8006	VISION HOMES / AVIVA GREEN, SEREMBAN 2	2,652.15	51
15	30.05.2015	8005	S2-CITY HOMES	1,000.00	55
16	30.05.2015	8005	S2-CITY HOMES	1,541.80	67

LAPORAN PRESTASI KAUNTER BERGERAK DI KAWASAN PERUMAHAN PADA TAHUN 2015

BIL.	TARIKH OPERASI	SEKSYEN	LOKASI HARTA	JUMLAH KUTIPAN (RM)	JUMLAH PREMIS DILAWATI
17	06.06.2015	8001	GN.ST.HMS/CEN PARK/GDN. HMS	1,130.00	33
18	06.06.2015	8001	GN.ST.HMS/CEN PARK/GDN. HMS	1,340.70	63
19	13.06.2015	1910	TMN ANGSAMAS, MAMBAU	700.00	66
20	13.06.2015	1910	TMN ANGSAMAS, MAMBAU	891.90	113
21	5.9.2015	2501	TMN RASAH JAYA	1,839.80	338
22	5.9.2015	2601	TMN RASAH JAYA	1,228.85	406
23	12.09.2015	2208	SEREMBAN 3	2,648.60	404
24	12.09.2015	2701	TMN RASAH JAYA	1,074.00	234
25	17.9.2015	5103	JLN TOMAN 2	0.00	106
26	19.9.2015	7211	JLN JASMIN INDAH	2,955.65	279
27	21.9.2015	5206	TMN BIDARA	200.00	158
28	22.9.2015	4901	TMN DUSUN SETIA	110.00	269
29	22.9.2015	5001	TMN DUSUN SETIA	0.00	60
30	26.9.2015	0310	TMN GALENA	1,232.30	367
31	26.9.2015	0309	TMN JASPER JAYA	546.40	237
32	26.9.2015	7502	TMN BKT KRISTAL	1,222.15	268
33	28.9.2015	4303	TMN BKT KAYA	0.00	22
34	03.10.2015	8001	S'BAN 2 - GARDEN HOMES	684.40	80
35	03.10.2015	8002	S'BAN 2- GDN AVE / PARK AVE	668.40	89
36	03.10.2015	8102	TMN AROWANA INDAH	1,286.20	158
37	10.10.2015	7201	TMN KOBENA	0.00	120
38	10.10.2015	7205	TMN DESA MELOR	0.00	160
39	10.10.2015	7206	TMN DESA ANGGERIK	189.60	133
40	10.10.2015	5404	TMN DESA DAHLIA	202.20	43
41	11.10.2015	7203	TMN SATRIA	100.00	160
42	11.10.2015	7204	TMN DESA IXORA	335.20	20
43	17.10.2015	5801	TMN AMPANGAN	1,627.80	149
44	17.10.2015	4105	TMN BKT MARGOSA	1,307.60	57
45	17.10.2015	4103	TMN CHENGAL	478.00	115
46	17.10.2015	4104	TMN SRI TELAWI	1,485.80	53

LAPORAN PRESTASI KAUNTER BERGERAK DI KAWASAN PERUMAHAN PADA TAHUN 2015

BIL.	TARIKH OPERASI	SEKSYEN	LOKASI HARTA	JUMLAH KUTIPAN (RM)	JUMLAH PREMIS DILAWATI
47	18.10.2015	4101	TMN PAROI JAYA	1,110.00	65
48	18.10.2015	8101	TMN AROWANA	100.00	1
49	18.10.2015	4106	TMN PALMA JAYA	398.40	128
50	18.10.2015	4108	KG SRI PANCHOR	0.00	18
51	18.10.2015	6001	TMN PINGGIRAN GOLF	1,078.40	122
52	24.10.2015	6112	TMN SRI PULAI, SIKAMAT	1,140.00	81
53	24.10.2015	1304	TMN SIKAMAT INDAH	119.00	12
54	24.10.2015	1003	TMN PINANG GADING	615.00	55
55	24.10.2015	1302	TMN SIKAMAT JAYA	500.00	23
56	24.10.2015	0705	TMN ENGLAND	391.00	11
57	25.10.2015	6105	TMN SELASIH	0.00	14
58	25.10.2015	6101	TMN RASHIBAH INDAH	2,412.10	72
59	25.10.2015	6503	TMN SULIANA 1 & 2	50.00	50
60	25.10.2015	1004	TMN DESA BERINGIN	288.20	121
61	31.10.2015	6805	TMN CEMPAKA	648.00	69
62	31.10.2015	6808	TMN SERI PAGI	1,169.75	200
63	31.10.2015	6811	MATAHARI HEIGHTS	750.00	112
		JUMLAH KESELURUHAN		62,349.70	7,420

LAPORAN PRESTASI KAUNTER BERGERAK DI PREMIS PERNIAGAAN PADA TAHUN 2015

BIL.	TARIKH OPERASI	SEKSYEN	LOKASI HARTA	JUMLAH KUTIPAN (RM)	JUMLAH PREMIS DILAWATI
1	23.03.2015	0117	TERMINAL ONE	0.00	26
2	24.03.2015	0208	KM PLAZA	644.00	35
3	30.03.2015	6604	TMN KOMERSIAL OAKLAND	0.00	115
4	31.03.2015	6604	TMN KOMERSIAL OAKLAND	0.00	46
5	14.04.2015	5103	KEMAYAN SQUARE & KOMPLEX MALL	0.00	44
6	22.04.2015	5407	PERUSAHAAN RINGAN SENAWANG	293.60	16
7	27.04.2015	5407	PERUSAHAAN RINGAN SENAWANG	407.20	9
8	28.04.2015	4411	DATARAN SENTRAL, JLN SG.UJONG	0.00	15
9	30.04.2015	1701	JLN TUANKU ANTAH (RAHANG ROAD)	1,034.00	26
10	06.05.2015	1703	JLN ZA'ABA (HOSE ROAD)	0.00	19
11	07.05.2015	0712	BETARIA BUSINESS CENTRE / TMN CERMAI JAYA	300.00	12
12	12.05.2015	8007	S2-BIZ AVN/JUSCO/UP TOWN AVN	0.00	17
13	13.05.2015	4302	TMN AST	0.00	45
14	04.08.2015	0117	TERMINAL ONE	0.00	120
15	06.08.2015	0205	KM PLAZA	0.00	74
16	13.08.2015	4302	TMN AST	920.40	80
17	08.10.2015	5412	TMN P'NIAGAAN SNWG(BUSINESS PARK)	0.00	30
18	19.10.2015	0609	KAW PER RINGAN (MPS)	394.40	34
19	22.12.2015	7501	GALLA INDUSTRIAL PARK / TMN MUTIARA GALLA	0.00	213
20	22.12.2015	5403	BDR SATELIT SNWG / TMN KOM.SENAWANG	0.00	72
		JUMLAH KESELURUHAN		3,993.60	1,048

Mengadakan Kaunter Pandu Lalu di perkarangan Dewan Majlis Perbandaran Seremban pada minggu pertama dalam bulan terakhir tempoh pembayaran cukai taksiran.



Berikut adalah laporan bagi prestasi pelaksanaan operasi:
LAPORAN PRESTASI KAUNTER PANDU LALU PADA TAHUN 2015

TARIKH	JUMLAH TRANSAKSI	JUMLAH KUTIPAN (RM)
24.08.2015	1	54.60
25.08.2015	21	2,692.30
26.08.2015	35	41,539.75
27.08.2015	101	541,400.90
28.08.2015	45	9,593.90
29.08.2015	10	883.65
03.09.2015	8	1,773.00
07.09.2015	15	1,192.20
08.09.2015	3	250.80
09.09.2015	3	165.60
10.09.2015	3	583.80
11.09.2015	1	444.60
JUMLAH	**246**	**600,575.10**

2. Kaunter Bayaran

2.1 Mengadakan kempen Cabutan Bertuah bagi pembayaran Cukai Taksiran



2.2 Mengadakan promosi Diskaun bagi pembayaran Kompaun Lalulintas dan Letak Kereta



3. Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

3.1 Bengkel Hasil & Belanja bagi urusan GST pada 10 Ogos hingga 12 Ogos 2015.






4. Menguruskan Pembayaran

4.1 Menyelenggara pembayaran



5. Penyata Kewangan Tahunan

5.1 Menyelenggara rekod-rekod perakaunan.



6. Belanjawan

6.1 Bengkel penyediaan Belanjawan 2016 pada 15 Mac hingga 17 Mac 2015.





7. Perolehan

7.1 Menguruskan sebutharga dan perolehan bagi barang-barang

8. Pelaburan

8.1 Membuat pelaburan simpanan tetap

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seremban bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polis perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memproleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang

benar dan saksama bagi tujuan merangka pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Seremban pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir ada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

(MOHD FISUL BIN ISMAIL)
b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

SEREMBAN
03 JULAI 2015

Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

OBJEKTIF

Membudayakan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sebagai jentera di dalam penggunaan dan pentadbiran dalam kalangan pegawai dan kakitangan Majlis.

FUNGSI

- Merancang serta menyelaras pembangunan dan penyelenggaraan aplikasi Majlis
- Merancang keperluan dan menyelenggara perkakasan serta perisian komputer
- Merancang serta menyelenggara sistem rangkaian dan keselamatan
- Membangun, menyelenggara portal rasmi Majlis dan membangunkan multimedia
- Merancang kemudahan untuk komuniti

AKTIVITI 2015

1. Latihan End User Sistem eLesen diadakan di Bilik Sungai Ujong, Dewan MPS pada 2hb hingga 4hb Mac 2015.

2. Bengkel ePayHR "AS IS" diadakan di Hotel Royal Bintang, Seremban pada 3hb hingga 6hb Mac 2015.


'AS IS' WORKSHOP






'AS IS' WORKSHOP
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
EPAYHR
3-6 MARCH 2015



3. Bengkel URS Kutipan diadakan di Hotel Corus Paradise Resort, Port Dickson pada 8hb Jun hingga 10hb Jun 2015.






4. Menganjurkan Kursus Asas Autocad pada 13hb hingga 15hb April 2015 di IKBN Chembong, Rembau. Seramai 7 orang peserta dari Jabatan Penilaian Hartanah, MPS telah hadir kursus ini.





5. Menyertai Program Karnival ICT anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan pada 10hb Disember 2015 di Dewan Theathrette, Wisma Negeri, Seremban



- Program Lawatan

  Perasmian Pusat Internet Rakyat Paroi di Pangsapuri Perdana Paroi pada 6hb Mei 2016. Disempurnakan oleh YB Mohd Ghazali Bin Abd Wahid.















- Lawatan Benchmark Data Center ke Majlis Bandaraya Shah Alam pada 18hb November 2015

- Lawatan Benchmark Data Recovery Center SUK di Seremban 2 pada 9hb Disember 2015

- Lawatan Benchmark CCTV di Stadium Shah Alam pada 7hb Disember 2015



- Program Technology Update Product and Services Overview by Ricoh Malaysia Sdn Bhd di Holiday Inn Melaka pada 26hb Oktober 2015



- Bengkel Pemantapan Perkhidmatan ICT Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia 2015 pada 1hb hingga 2 Disember 2015.



- Lawatan Benchmark ke Pejabat Hewlett Packard Enterprise pada 25hb November 2015 di Damansara, Selangor



- Anugerah
  Mendapat tempat ketiga kategori Pengurusan dalam Pertandingan Anugerah Inovasi Peringkat Majlis Perbandaran Seremban pada 1 April 2015. Tajuk inovasi adalah 'Kalendar ICT'

Jabatan Taman dan Landskap

OBJEKTIF

- Meningkatkan pembangunan dan pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkualiti
- Pengurusan kewangan yang cekap, berkesan dan berakauntabiliti.
- Meningkatkan pendidikan sivik dikalangan pelanggan MPS , meningkatkan kerjasama dengan agensi kerajaan, swasta, pertubuhan agensi bukan kerajaan (NGO) dan badan badan kerajaan yang lain.
- Meningkatkan semua aspek infrastruktur dan prasarana awam di Seremban.

FUNGSI

Pengurusan dan Penyelenggaraan Landskap:

- Perancangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap
- Pengurusan Pembangunan Penyelenggaraan Landskap
- Pengurusan Tapak Semaian .

AKTIVITI 2015

BIL	AKTIVITI / PERKARA	TARIKH DIJALANKAN
1.	Projek NBOS7 dan Pelancaran Rakan Taman dan Program Menanam Pokok MPS dirumah Pangsa Senawang	18hb. April 2015
2	Festival Taman Tasek Seremban 2015 2.1 Pertandingan Memancing 2.2 Pertandingan Arca Taman	7hb. Nov2015- 28hb. Nov 2015 7hb. November 2015 21hb. November 2015
3.	Kursus Landskap dan Tapak Semaian	8hb & 9hb Jun 2015
4.	Pertandingan Inovasi Peringkat Jabatan	01hb. April 2015

PROGRAM LAWATAN

- Lawatan kakitangan JTL ke Floria Diraja 2015 ke Putrajaya pada : 3hb. Jun 2015, 4hb. Jun 2015 dan 5hb. Jun 2015.

PENCAPAIAN / ANUGERAH

- Tempat ke 3 Pertandingan Archa Taman Peringkat PBT Malaysia.
- Tempat ke 3 Pertandingan Inovasi Peringkat Jabatan tahun 2014 (Kategori Teknikal)
- Hasil Kreativiti Terbaik Pertandingan Audit Dalaman EKSA Peringkat MPS.

PROJEK MPS

Bil	Projek-Projek/butiran kerja
1.	Membekal dan menghantar pokok utama/Renek/Palma/Penutup Bumi/ Pokok yang lain dan biji benih untuk kegunaan Jab. Tmn. & Landskap
2..	Membekal dan menghantar baja pertanian dan lain-lain untuk Jab. Taman & Landskap
3.	Membekal dan menghantar racun dan bahan kimia yang lain untuk Jab. Taman & Landskap MPS.
4.	Membekal dan menghantar Adhesive dan bahan plastik serta bahan pertanian yang berkaitan untuk Jab. Taman & Landskap
5.	Cadangan membekal dan penanaman bunga Annual dibulatan SUK, dihadapan Istana Hinggap dan kawasan majlis.
6.	Membekal dan menghantar mesin pertanian dan lain-lain untuk JTL
7.	Membekal dan menghantar basikal untuk MPS
8.	Cadangan projek membekal dan penanaman pokok utama di Jalan Dato' Siamang Gagap serta kerjakerja berkaitan untuk JTL.
9.	Kerja-kerja penyelenggaraan pokok-pokok utama disekitar Zon Seremban 2 untuk MPS

10.	Kerja-kerja membekal dan menghantar peralatan permainan kanak-kanak bagi taman-taman permainan kanak-kanak dalam kawasan MPS.
11.	Membekal dan menghantar pokok orkid untuk Jab. Taman dan Landskap.
12.	Kerja-kerja membina dan menaik taraf kemudahan peralatan permainanan kanak-kanak di Taman Pancor Jaya fasa 1 & 2 serta Fasa 3, Ampangan, Seremban.
14.	Kerja-kerja membina dan menaik taraf kemudahan riadah dan peralatan permainan kanakkanak diTaman Bukit Blosom dan Taman Mambau Jaya fasa 3 Seremban.
15	Kerja-kerja membina dan menaik taraf kemudahan riadah dan peralatan permainan kanakkanak diTaman Bukit Blossom dan Taman Mambau Jaya Fasa 2, Seremban.
16	Cadangan Pengindahan Landskap disepanjang jalan Lingkaran bermula dari
17.	Cadangan kerja-kerja menaik taraf kemudahan riadah dikawasan laman basikal Taman Tasek, Seremban.
18.	Cadangan kerja-kerja pengindahan dan pembangunan laluan pejalan kaki dihadapan sekolah menengah KGV serta kerja-kerja berkaitan.
19.	Cadangan Kerja-kerja membina dan menyiapkan rumah teduhan orkid dan nursery orkid serta kerjakerja yang berkaitan.
20.	Cadangan pembangunan landskap bagi program Strategi Lautan Biru Kebangsaan ke 7 (My beautiful Neighbourhood Landskap Invirenment) dipangsapuri Rakyat Seri Perdana Seri Paroi, Seremban.
21.	Kerja-kerja menyelenggara pokok utama disekitar zon Rasah, Mambau dan pusat Bandar untuk MPS.
22.	Kerja-kerja membekal dan menghantar alat pertanian untuk Jabatan Taman Dan Landskap, MPS.

PELANCARAN RAKAN TAMAN DAN PROGRAM MENANAM POKOK

Tarikh : 18hb. April 2015
Tempat : Kawasan Rumah Pangsa Senawang
Objektif : Untuk memberikan kesedaran sivik bagi menjaga dan memelihara alam sekitar disamping menghijaukan bumi serta memupuk konsep kejiranan dikalangan penduduk.






PERTANDINGAN MEMANCING

Tarikh : 07hb. November 2015
Tempat : Taman Tasik Seremban
Objektif : Untuk memberi peluang kepada warga Seremban untuk beriadah berekreasi di Taman Tasik Seremban disamping menunjukkan kepakaran para peserta didalam pertandingan memancing.






PERTANDINGAN ARCA TAMAN

Tarikh : 21hb. November 2015
Tempat : Jabatan Taman dan Landskap
Objektif : Menghargai barang-barang terbuang dan membentuk kreativiti para peserta untuk membangunkan hiasan 'guna pakai' bagi tujuan komersial atau untuk memelihara alam sekitar.







KATEGORI IPTA :
POLITEKNIK NILAI NAIB JOHAN RM 1,000





KATEGORI IPTA :
INSTITUT PENDIDIKAN RAJA MELEWAR
POLITEKNIK NILAI NAIB JOHAN RM 1,000





KATEGORI IPTA :
POLITEKNIK NILAI (B) NAIB JOHAN RM 1,000

PERTANDINGAN INOVASI PERINGKAT JABATAN

Tarikh : 01hb. April 2015
Tempat : Dewan Majlis Perbandaran Seremban
Objektif : Bertujuan memberi kesedaran tentang kesan vandalism dan nilai moral dalam memelihara bumi kita selain dari mengasah bakat dan kreativiti kakitangan.

KURSUS LANDSKAP DAN TAPAK SEMAIAN

Tarikh : 08 hb.Jun & 9hb. Jun 2015
Tempat : Jabatan Taman dan Landskap
Objektif : Memberi kefahaman dan meningkatkan kualiti landskap dan memberi penekanan yang lebih kepada landskap dan tapak semaian dengan kerjasama PBT khasnya dan warga tempatan amnya





1 Sijil, Anugerah & Pencapaian

- Pencapaian MURNINETS

Sijil Penghargaan

MENTERI
KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

di atas pencapaian tahap kemampanan bandar

87% (Mampan)

bagi

ANUGERAH BANDAR MAMPAN 2014
Program Pengukuran Bandar Mampan Malaysia melalui MURNInets Tahun 2015

sempena

WORLD TOWN PLANNING DAY 2015
Making Cities Resilient
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

pada

3-4 November 2015
Hotel J.W. Marriott

YB DATUK ABDUL RAHMAN DAHLAN
Menteri
Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

No. Siri 15/0042686

Hasil tahap kemampanan Bandar Seremban menunjukkan Seremban adalah MAMPAN dengan skor 87%.

2 Sijil, Anugerah & Pencapaian

- Pencapaian MURNINETS

Sijil Penyertaan

MENTERI
KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

telah menyertai

PROGRAM PENGHARGAAN
PELAKSANAAN INISIATIF PEMBANGUNAN KEJIRANAN HIJAU 2015

sempena

WORLD TOWN PLANNING DAY 2015
Making Cities Resilient
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

pada

3-4 November 2015
Hotel J.W. Marriott

YB DATUK ABDUL RAHMAN DAHLAN
Menteri
Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

No. Siri 15/0042614

3 Sijil, Anugerah & Pencapaian

- Sijil Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

TPP/C/2015/1977

MAMPU
BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri

Sijil Pengiktirafan

Dengan ini disahkan bahawa

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

telah memenuhi keperluan kriteria komponen

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Kategori : BAIK

Tarikh dikeluarkan : 15 November 2015
Sah sehingga : 14 November 2017

DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN
Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan
Perancangan Pengurusan Malaysia
(MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri

Tak sabar niaga di tempat baharu

» ADUN Ampangan beri jaminan perpindahan selewat-lewatnya bulan depan

Oleh Muhammad Faiz Baharin
bhnews@bh.com.my

Seremban

Bangunan baharu sudah hampir setahun siap, tetapi peniaga Medan Selera Ampangan (MSA), di sini, masih lagi tidak dibenarkan berpindah ke situ.

Peniaga masih beroperasi di tapak perniagaan sementara, tersorok dan jauh dari laluan utama, yang menyebabkan pendapatan mereka terjejas, malah ada peniaga yang gulung tikar.

Pengerusi Persatuan Penjaja Ampangan, Samsudin Mohd Yunus, berkata bangunan baharu MSA yang menempatkan 60 lot perniagaan mula dibina pada 24 September 2012 dan siap pada April 2014, namun masih tidak boleh diduduki sehingga kini.

Lokasi tak strategik

Katanya, keadaan itu merugikan peniaga kerana tapak perniagaan sementara tersorok dan agak jauh dari laluan utama, Jalan Seremban-Kuala Pilah.

"Lokasi tidak strategik menyebabkan tapak perniagaan sementara tidak begitu mendapat sambutan. Ada peniaga terpaksa berpindah ke tempat lain, malah ada yang gulung tikar.

"Mereka berniaga di
perniagaan sement
tahun lalu. Ke
lam pad
Jum

menyebabkan orang ramai tidak begitu gemar menjamu selera di situ kerana ba busuk dan kehadiran lal at sampah yang diti peniaga pasa

Alias,
emu
san
r-


"Mula-mula peniaga diberitahu akan berpindah pada Mei tahun lalu, kemudian selepas Aidilfitri. Sekarang sudah hampir setahun bangunan itu siap, kami masih berniaga di tapak perniagaan sementara yang serba kekurangan ini.

"Setiap kali hujan lebat, perniagaan akan terjejas akibat tempias air hujan. Lebih teruk, tidak ada tandas dan surau di sini. Peniaga terpaksa pergi ke tempat lain apabila mahu menunaikan solat dan menggunakan tandas," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam dan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Datuk Abu Ubaidah Redza, berkata beliau sudah berunding dengan peniaga dan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) bagi menyelesaikan isu itu.

"MPS dalam proses menapis permohonan peniaga baharu yang mahu berniaga di bangunan itu. Apabila proses itu selesai, undian bagi penempatan lot kedai akan dilakukan membabitkan peniaga baharu dan asal.

"Undian dijangka dijalankan pada bulan ini dan saya memberi jaminan, peniaga boleh mula berpindah ke bangunan baharu selewat-lewatnya bulan depan," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ampangan.






*Bangunan baharu **Medan Selera Ampangan** yang sudah siap tetapi masih belum boleh digunakan.*
[FOTO MUHAMMAD FAIZ BAHARIN /BH]

SUARA KOMUNITI

Suara Komuniti mengetengahkan masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Aduan kehilangan kenalan, keluarga atau ingin mencari saksi juga boleh diajukan ke e-mel **suarakomuniti@bh.com.my**.



HASIM memotong riben semasa merasmikan Majlis Pencahayaan di Pekarangan Flat Cempaka, Garden Avenue, Seremban 2.

Pelajar lega wujud PI1M

Seremban: Golongan muda
lan pelajar yang menetap di
Mukim Labu di sini, mampu
menarik nafas lega apabila
erajaan menaik taraf Inter-
et jalur lebar melalui pe-
wujudan Pusat Internet 1Ma-
ysia (PI1M), baru-baru ini.
Ahli Dewan Undangan Ne-
eri (ADUN) Labu Datuk Ha-
m Rusdi berkata, melalui
enubuhan PI1M, ia dapat
emberi kelengkapan tekno-
gi kepada komuniti peda-
man setanding di bandar.
"PI1M dilengkapi dengan
ternet jalur lebar yang ber-
elajuan 4Mbps selain per-
ian canggih. Saya yakin
1M ini dapat membantu
enduduk kawasan ini men-
apatkan pendedahan dan
engetahuan berkaitan tek-
logi maklumat dan komu-
kasi (ICT) bagi memboleh-

penduduk di bandar.
"Malah bagi pelajar dan penuntut institusi pengajian tinggi, kemudahan disediakan akan dapat membantu mendapatkan pelbagai maklumat diperlukan dalam menyelesaikan tugasan mereka.

"Selain itu, kemudahan ini juga dapat memberi ruang dan peluang kepada usahawan kecil terutama industri kampung dalam melebarkan lagi rangkaian perniagaan mereka," katanya selepas merasmikan PI1M Labu di Dewan Orang Ramai Batu 8, Labu, dekat sini, baru-baru ini.

Hadir sama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Nilai (MPN) Datuk Abd Halim Abd Latif dan Ketua Eksekutif Pembangunan

hd Ali Hanafi.
Sebanyak 20 unit komp
ter ditempatkan di pusat
yang dikendalikan dua F
tugas SKMM dan beroper
dari Isnin hingga Ahad bo
mula jam 9 pagi hingga
petang.
Selain itu, SKMM tu
menyediakan empat u
pencawang di bawah pro
ram WiFi komuniti deng
capaian liputan antara 2
meter hingga 300 meter m
nakala MPN menyediak
kamera liter tertutup (CCT
sebagai langkah keselam
tan.
Hasim berkata, pihakn
menyambut baik tindak
SKMM mewujudkan kemu
dahan itu di dalam Dew
Undangan Negeri (DUN) be
kenaan kerana ia pendekat

enunjukkan lukisan mural Ujang yang dilukisnya dalam majlis Pelancaran Mural Ujang di Terminal 1, Seremban, Negeri Sem

Mural Ujang jadi penghias utama di Terminal 1

SEREMBAN 16 Nov. - Lukisan mural Ujang yang menghiasi bangunan Terminal 1 menjadi tarikan terbaharu di bandar ini sekali gus mampu menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini.

Idea menarik itu dicetuskan oleh Ibrahim Anon, 50, atau lebih dikenali sebagai Ujang yang turut dibantu lima pelukis lain yang melakar watak popular dalam majalah berunsur kartun, Ujang.

"Mural ini menonjolkan imej kekeluargaan, cara hidup di kampung terutama budaya di negeri ini yang sinonim dengan pengamalan Adat Perpatih.

"Ia memaparkan watak kartun popular seperti Atuk, Aca dan watak Ujang yang cukup sinonim dan dekat dengan diri saya," katanya ketika ditemui pemberita pada majlis Pelancaran Mural Ujang di Terminal 1, di sini hari ini.

Yang hadir sama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Datuk Abd. Halim Abd. Latif.

Kartunis yang berasal dari Juaseh, Kuala Pilah itu memulakan kerjaya sebagai kartunis di majalah *Gila-Gila* pada tahun 1982 selain menghasilkan beberapa karya hebat termasuklah *Aku Budak Minang*, *Jibam*, *Aca* dan *Atuk*.

Ujang bersama pasukannya melakar mural sepanjang 12 meter itu selama enam hari bermula 26 Oktober lalu. Projek tersebut dihasilkan dengan kerjasam MPS.

"Saya berbangga dapat menyumban sesuatu kepada negeri kelahiran say setelah lebih 30 tahun terlibat dalam bi dang ini," ujarnya.

Sementara itu, Abd. Halim member itahu, lukisan mural tersebut merupaka projek pertama antara pihak berkuas tempatan di negara ini dengan Ujang.

"Usaha terbaharu MPS itu bertujua menjadikan Seremban sebagai tempa menarik untuk dikunjungi. Saya percaya dengan adanya mural seperti ini pastiny lebih ramai pelancong akan datang k Negeri Sembilan," katanya.



IBRAHIM ANON menunjukkan lukisan mural Ujang yang dilukisnya dalam majlis Pelancaran Mural Ujang di Terminal 1, Seremban, Negeri Sembilan, semalam.

16 premis makanan kotor diarah tutup!

SEREMBAN - Sebanyak 16 premis makanan di daerah ini diarahkan tutup kerana beroperasi dalam keadaan kotor.

Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Dr Abdul Rahim Abdullah berkata, melalui Ops Vaksin yang diadakan dua hari lalu, pihaknya telah mengenal pasti beberapa premis makanan yang melanggar peraturan kebersihan makanan ditetapkan.

Katanya, daripada 34 premis makanan yang diperiksa, 16 daripadanya diarahkan tutup manakala 14 lagi dikenakan notis kerana melanggar peraturan.

"Premis yang diarahkan tutup itu diperiksa mengikut Seksyen 11, Akta Makanan 1983 kerana gagal mematuhi garis panduan kebersihan yang ditetapkan.

"Manakala 14 lagi dikenal pasti telah melanggar Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 dan dikenakan tindakan notis di bawah Seksyen 32B Akta Makanan 1983," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Tambah Abdul Rahim, dalam Ops Vaksin itu juga, seramai 231 pengendali makanan telah diperiksa dan mendapati 151 adalah warganegara, dan selebihnya pekerja asing.

"Daripada jumlah itu, seramai 110 orang sahaja yang mendapat suntikan Typhim," katanya lagi.

Ujar beliau lagi, sehingga tempoh 10 Oktober lalu, sebanyak 5,676 premis makanan telah diperiksa dan 128 daripadanya diarahkan tutup kerana didapati kotor.

"Jabatan kita akan sentiasa mengadakan kempen dan pemeriksaan secara berterusan bagi memastikan makanan dijual kepada orang ramai selamat, manakala bagi pengendali makanan pula, mereka perlu sentiasa mematuhi aspek kebersihan serta keselamatan makanan semasa penyediaan makanan.

"Pemilik premis dinasihatkan supaya menjaga kebersihan dan mengikuti segala peraturan ditetapkan," katanya.

MPS tawar hadiah tertinggi

Seremban: Majlis Perbandaran Seremban (MPS) menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan RM18,200 kepada pemenang Pertandingan Juara Joran 2015 yang berlangsung di Taman Tasik di sini, Sabtu ini.

Yang Dipertua MPS Datuk Abd Halim Abd Latif berkata, juara pertandingan itu bakal membawa pulang hadiah RM8,000 diikuti RM5,000 di tempat kedua, manakala tempat ketiga dan keempat masing-masing bakal memenangi hadiah wang tunai RM3,000 dan RM1,000.


Beliau berkata, peserta yang menduduki tempat kelima hingga 10 akan meraih hadiah wang tunai RM200 setiap seorang.

"Ini tawaran hadiah wang tunai tertinggi ditawarkan kepada peserta pertandingan memancing yang menjadi sebahagian acara utama Festival Taman Tasik Seremban 2015 (FTTS 2015)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelepasan 3,000 kilogram ikan patin, keli Afrika dan pacu, di Taman Tasik Seremban, di sini, semalam.

Abd Halim berkata, pertandingan itu terbuka kepada semua golongan termasuk pelancong asing dan setakat ini, 120 peserta mendaftar.

Menurutnya, pihaknya menyasarkan 500 penyertaan pada pertandingan berkenaan bermula jam 8.30 pagi hingga 1 petang.



ABD HALIM ABD. LATIF (kiri) bersama pemenang kategori Perodua Modified, Abdul Azim Mohd. Razali (dua dari kiri) dan Pengarah Kejuruteraan MPS, Sabaruddin Sulaiman selepas pertandingan dan pertunjukkan Autoshow sempena Festival Taman Tasik Seremban, kelmarin.

Deruman motosikal, kereta meriahkan festival

SEREMBAN 23 Nov. - Sebanyak 68 buah kereta dan 31 buah motosikal menyertai pertandingan dan pameran Autoshow sempena Festival Taman Tasik Seremban 2015 di sini semalam.

Acara itu berlangsung mulai pukul 8 pagi hingga 6 petang di sepanjang Jalan Dato' Hamzah berhampiran Masjid Negeri dekat sini.

Bagi kategori kereta, pertandingan itu terbahagi kepada beberapa kategori iaitu Kategori Proton dan Perodua Standard Body, Kategori Proton dan Perodua Modified, Kategori Open Modified, Kategori Old Skool dan Kategori VIP.

Hadiah yang ditawarkan adalah sebuah piala dan wang tunai bagi pemenang pertama sehingga tempat kelima.

Manakala bagi motorsikal pula, pertandingan itu terbahagi kepada Kategori Kapcai/Scooter Standard, Kapcai/Scooter Modified, Spraycan/Sticker, Motor Klasik dan Scrambler Sticker.

Hadiah yang ditawarkan adalah sebuah piala dan wang tunai bagi pemenang pertama sehingga tempat ketiga.

Terdapat satu kategori istimewa yang dipertandingkan iaitu *Best of The Best* yang terbuka kepada kereta sahaja.

Pemenang membawa pulang sebuah piala bagi setiap kategori yang dimenanginya.

Yang Dipertua MPS, Datuk Abd. Halim Abd. Latif telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

PBT pasang lampu cegah kes jenayah

SEREMBAN - Inisiatif yang diambil pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan memasang lampu jalan di sekitar Flat Cempaka dan Flat Dahlia di Seremban 2 di sini, mampu menangani kes jenayah dan kemalangan yang sering berlaku di kawasan terbabit.


Pengerusi Badan Pengurusan Flat Cempaka 1, Bhadhindar Sing berkata, sebelum adanya usaha untuk pemasangan lampu, kawasan itu sangat gelap menyebabkan ia sering menjadi tumpuan penjenayah.

"Sudah banyak kes jenayah berlaku seperti samun, ragut, mencuri kenderaan dan motosikal dan pelbagai lagi.

"Kadang kala, ia juga mengundang kemalangan buat penduduk di kawasan ini. Situasi sebelum ini amat membimbangkan penduduk setempat.

"Bagaimanapun, dengan adanya inisiatif daripada pihak berkenaan dalam program percahayaan lampu jalan di sekitar kawasan ini, ia sedikit sebanyak mampu menangani kes-kes jenayah daripada terus berlaku," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Pencahayaan di Perkarangan Flat Cempaka, Garden Avenue, Seremban 2, di sini.

Majlis berkenaan dirasmikan Exco Pertanian dan Asas Tani negeri, Datuk Hasim Rusdi.



Hasim memotong riben sambil disaksikan Abd Halim (kiri) semasa merasmikan Majlis Pencahayaan di Perkarangan Flat Cempaka.

Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Datuk Abd Halim Abd Latif.

Pada majlis tersebut, sebanyak 13 unit lampu jalan di kawasan Flat Cempaka 1 turut dipasang, di samping membuat tempat letak motosikal berkunci sekitar Garden Avenue dan mendirikan papan tanda peringatan jenayah di sekitar Seremban 2.

Ia membabitkan peruntukan berjumlah RM123,000 daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Dalam pada itu, sebanyak 49 unit lampu jalan dipasang di sekitar Flat Cempaka 2, Dahlia fasa 3 dan 4 serta Flat di Ixora menerusi peruntukan sebanyak RM400,000 yang diterima MPS daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada tahun ini.

Menerusi peruntukan tersebut juga, cermin kanta cembung turut dipasang beserta papan tanda peringkatan jenayah di kawasan yang dikenalpasti.

Mural Ujang kembalikan nostalgia, tarikan baharu bandar Seremban

Oleh KU MOHD. RIZDUAN KU ABDUL RAHMAN

SEREMBAN – Lukisan mural karakter kartun dalam majalah *Ujang* yang menghiasi bangunan stesen bas Terminal 1 merupakan tarikan terbaharu di bandar ini sekali gus mengembalikan nostalgia peminat komik negara ini.

Lebih mengujakan, mural berwarna-warni itu dilukis oleh kartunis terkenal, Ibrahim Anon, 50, atau lebih dikenali sebagai Ujang dengan dibantu lima pelukis lain.

Projek tersebut dihasilkan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seremban (MPS).

Ketika ditemui, Ujang berkata, mural tersebut menonjolkan imej kekeluargaan, gambaran hidup di kampung terutama budaya di Negeri Sembilan yang terkenal dengan adat Perpatih.

"Pada mural ini, kami paparkan watak kartun popular seperti Atuk, Aca dan watak Ujang sendiri yang cukup sinonim dan dekat dengan diri saya," katanya pada Majlis Pelancaran Mural Ujang di Terminal 1 di sini semalam.

Hadir sama Yang Dipertua MPS, Datuk Abd. Halim Abd. Latif.

Mengulas lanjut, Ujang berkata, pasukannya melakar mural sepanjang 12 meter selama enam hari bermula 26 Oktober lalu.

"Saya berbangga dapat menyumbang sesuatu kepada negeri kelahiran saya setelah lebih 30 tahun terlibat dalam bidang ini," ujarnya yang berasal dari Juaseh, Kuala Pilah.



UJANG (kiri) bersama tiga pelukis bergambar berlatarbelakangkan lukisan mural yang memaparkan karakter popular kartun majalah *Ujang* di Terminal 1, Seremban semalam.

Ditembak angkara hutang

MIRI – Gara-gara gagal melunaskan hutang, seorang lelaki cedera pada kepala dan tangan kiri selepas dipercayai ditembak dengan menggunakan senapang angin di Kampung Senadin Jaya di sini semalam.

Kejadian kira-kira pukul 7.30 pagi itu berlaku ketika mangsa yang berusia 26 tahun sedang berehat di rumah sewanya sebelum didatangi tiga lelaki.

Menurut sumber, suspek kemudian meminta mangsa membayar hutang kepada mereka, namun mangsa gagal berbuat demikian sehingga mengakibatkan ketiga-tiga lelaki terbabit naik angin.

Katanya, berang dengan alasan mangsa, salah seorang suspek kemudian bertindak melepaskan satu tembakan ke arah mangsa.

"Mangsa kemudian berlari keluar dari rumahnya sebelum dikejar oleh suspek yang dipercayai bertindak melepaskan satu lagi das tembakan ke arah mangsa. Seputu mangsa yang kebetulan berada di luar rumahnya kemudian menghubungi pihak polis," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Miri, Asisten Komisioner Junaidi Bujang berkata, keadaan mangsa kini dilaporkan stabil selepas menerima rawatan di Hospital Miri di sini.

Katanya, siasatan awal mendapati motif tembakan itu mempunyai kaitan dengan masalah hutang.

KERATAN AKHBAR TAHUN 2015

KERATAN AKHBAR

U.Malaysia | B.Harian | N.S.Times | STAR | SINAR

Mural Ujang diperluaskan

MPS kenal pasti beberapa kawasan untuk dihiasi dengan lukisan karya kartunis anak jati Negeri Sembilan itu

KHAIRULKHEIZA MOHD NAJIB

SEREMBAN - Karya kartunis Ujang bakal menjadi tarikan orang ramai ke Negeri Sembilan apabila Majlis Perbandaran Seremban (MPS) merancang untuk memperluaskan lagi penghasilan muralnya ke beberapa lagi lokasi di daerah ini.

Yang Dipertua MPS, Datuk Abd Halim Abd Latif berkata, pihaknya akan membuat tinjauan terlebih dahulu bagi melihat kemahuan masyarakat.

"Beberapa lokasi terlintas dalam fikiran saya, misalnya [illegible] 2 dan [illegible] depan," katanya [illegible] buat selepas mengambil kira beberapa faktor terutama lah saya teringat pada Ujang.

"Kebetulan, respons diberikan Ujang dan rakan-rakan cukup bagus. Mereka berminat untuk menjadikan rancangan tersebut suatu realiti.

"Sebenarnya, kami sudah cuba banyak kali hendak buat macam ini. Tapi belum ada peluang walaupun karya *Aku Budak Minang* hampir 35 tahun diterbitkan.

"Memang seronok sangat bila dapat menyumbang pada negeri sendiri. Kalau hendak beri satu (bandar) Seremban untuk dicat pun, kami sanggup," katanya.



Abd Halim (kiri) melihat Ujang menyiapkan lukisan khas untuk diserahkan kepada MPS sebagai tanda simbolik penyerahan mural tersebut, semalam.



Ujang (kiri) sempat berseloroh dengan pemberita apabila diminta berposing dalam hujan renyai.

Teksi Terminal One, di sini, semalam.

Abd Halim bagaimanapun berkata, setakat ini MPS tidak mempunyai cadangan untuk menjadikan Terminal One sebagai lokasi kegiatan seni seperti Pasar Seni di Kuala Lumpur seperti dicadangkan Ujang sebelum ini.

Sementara itu, ketika diwawancara mengenai perasaannya mengenai me-

Seremban Kraf tarikan sempena Festival Taman Tasik Seremban 2015

SEREMBAN 8 Nov. - Pameran Seremban Kraf sempena Festival Taman Tasik Seremban 2015 yang dirasmikan hari ini bertujuan memperkenalkan produk kraf yang dihasilkan rakyat tempatan serta berpotensi besar untuk pasaran antarabangsa.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Datuk Abd. Halim Abd. Latif berkata, pameran itu ada keistimewaan kerana bukan sahaja berkaitan produk kraf tetapi melibatkan gerai makanan tradisional, buah-buahan serta demo anyaman dan lukisan seramik.

"Kita adakan pameran ini sempena Festival Taman Tasik Seremban 2015 untuk menjemput orang ramai datang dan melihat produk yang dihasilkan.

"Pameran ini diadakan dalam kawasan taman tasik ini iaitu di kawasan bangunan yang dahulunya merupakan pejabat Kraftangan Malaysia cawangan Negeri Sembilan," katanya di sini hari ini.

Majlis perasmian pameran itu disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kemudahan Awam, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, Datuk Abu Ubaidah Redza.



Pameran yang mendapat kerjasama Kraftangan Malaysia itu dibuka kepada orang ramai sehingga 15 November ini dari pukul 9 pagi hingga 6 petang setiap hari.

Kata Abd. Halim, sebanyak 18 gerai pameran sedia untuk dilawati dan itu termasuklah berkaitan tekstil batik, sulaman, manik, inai, tulisan khat, seramik, anyaman rotan, songkok, tembaga dan logam serta hasil rimba.

"Ini adalah sebahagian dalam acara Festival Taman Tasik Seremban 2015. Pempamer ini datangnya dari beberapa negeri termasuklah dari negeri ini. Semua produk yang dipamerkan boleh dibeli oleh pengunjung," jelasnya.

Selain itu katanya, terdapat lapan gerai masakan tradisional di Pameran Seremban Kraf yang antaranya menjual lemang, rendang, kuih denderam, bahulu, otak-otak, dodol dan air 'janda pulang'.

"Kita juga menyediakan satu gerai buah-buahan serta pentas demo melibatkan pelajar sekolah. Demo anyaman bakul dan lukisan seramik ini akan diadakan pada hujung minggu," ujarnya.

Sehubungan itu, kata Abd. Halim, orang ramai dijemput datang ke pameran itu sempena festival yang sedang berlangsung.

"Banyak lagi acara menarik akan diadakan sepanjang festival yang berlangsung pada bulan November ini. Jangan lepaskan peluang untuk bersama-sama meraikannya di sekitar Taman Tasik Seremban," beritahunya.

Festival Taman Tasik Seremban 2015 diadakan sepanjang pada bulan ini dan akhbar *Utusan Malaysia* dipilih sebagai rakan strategik dalam melakukan hebahan dan publisiti.



ABU UBAIDAH REDZA (empat dari kiri) dan Abd. Halim Abd. Latif (tiga dari kiri) menganyam bakul ketika majlis perasmian Pameran Seremban Kraf sempena Festival Taman Tasik Seremban 2015 di Seremban, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/ AINAA MARDHIAH MOHD. GHAZALI

MPS rai pengamal media

SEREMBAN – Majlis Perbandaran Seremban (MPS) menganjurkan Majlis Ramah Mesra bersama media di negeri ini bagi mengeratkan silaturahim antara PBT dengan pengamal media di sebuah hotel di sini, semalam.

Yang Dipertua, Datuk Ab Halim Ab Latiff berkata, media dan PBT saling memerlukan bagi mengelak laporan berat sebelah.

"Saya lihat pengamal media sekarang lebih profesional dan banyak membantu PBT.

"Ada wartawan baru, ada juga yang sudah lama.. jadi kita mahu eratkan hubungan agar masing-masing kenal antara satu sama lain," katanya ketika berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Adun Paroi, Mohd Ghazali Abd Wahid, Pengarah Kesihatan negeri, Dr Abdul Rahim Abdullah dan Presiden Kelab Wartawan Negeri Sembilan (I-khwan), Ainol Amriz Ismail.

Sementara itu, Ainol Amriz berkata, dia berharap hubungan erat yang terjalin antara warga MPS dan pengamal media dapat diteruskan.

"Hubungan baik ini perlu diteruskan kerana setiap laporan berkait isu penduduk memerlukan maklum balas PBT.

"Jadi, kita berharap hubungan erat ini kekal terjalin dan membawa kebaikan kepada masyarakat," katanya.



Ab Halim beramah mesra dengan wartawan Sinar Harian, Hamizah Basir pada Majlis Ramah Mesra MPS di sebuah hotel, semalam.



MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
Wisma Perbandaran, Jalan Yam Tuan. 70990 Seremban.

Tel : 06-766 7500 Fax : 06-763 7449

LAMAN WEB: http:// www.mpsns.gov.my